

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 (32)

13 Disember 2016
13 Rabiulawal 1438

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 34/2016

POLISI KEUSAHAWANAN PELAJAR UTM

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah meluluskan Polisi Keusahawanan Pelajar UTM menerusi Pusat Keusahawanan Teknologi UTM (UTMTEC).

2. Polisi ini menyokong kerangka kerja keusahawanan bagi membangunkan garis panduan untuk memperkasa aktiviti pelajar (misalnya dasar Laluan Lancar ['green lane'] untuk perniagaan milik pelajar), menyokong pelajar dalam memulakan, mengembangkan dan memampangkan perniagaan serta memudah cara ekosistem keusahawanan di UTM berteraskan kepada konsep Akademia Baharu berlandaskan cogan kata UTM, iaitu *Innovatif, Entrepreneurial* dan *Global*. Polisi ini juga terpakai kepada semua pelajar yang mendaftar secara sepenuh masa di peringkat sarjana muda dan pascasiswazah di Universiti Teknologi Malaysia termasuk alumni yang telah bergraduat dalam tempoh 2 tahun.

3. Polisi keusahawanan ini bermatlamat sebagai garis panduan untuk menyelia aktiviti-aktiviti keusahawanan pelajar dalam membuka peluang pembelajaran keusahawanan yang lebih meluas kepada pelajar dengan membantu pelajar menghasilkan dan mengembangkan perniagaan sehingga mampu menjadi usahawan. Diharapkan semoga seluruh warga UTM dapat menggunakan polisi ini sebagai rujukan dalam urusan yang berkaitan dengan keusahawanan pelajar.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,

WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Bendahari
- Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

Polisi dan Prosedur

Nama Polisi: Polisi Keusahawanan Pelajar UTM

Nombor Polisi: P.PP.<Nombor Polisi>

Diluluskan Oleh: 08/2015/2016

Semakan Terakhir: Semakan semula dalam masa Tiga (3) tahun dari tarikh kelulusan

BAHAGIAN 1 – PENGENALAN	2
TUJUAN	2
SKOP	3
DEFINISI	3
KONTEKS PERUNDANGAN	3
BAHAGIAN 2 - POLISI	4
PRINSIP	4
POLISI	4
BAHAGIAN 3 - PROSEDUR	7
PROSEDUR	7
DOKUMEN SOKONGAN	10
BAHAGIAN 4 – TADBIR URUS	11
TANGGUNG JAWAB	11
KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN	11

BAHAGIAN 1 – PENGENALAN

Penubuhan UTM *Technology Entrepreneurship Centre* (UTMTEC) telah diluluskan pada 22 Mac 2013 melalui kertas kerja UTM/JPU/188/2013 di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti bil. 8/ 2013.

Objektif UTMTEC:

- Bertindak sebagai Pusat Sehenti (*one stop centre*) yang bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti keusahawanan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Menjadi pusat untuk memupuk aktiviti dan pembangunan keusahawanan yang berdasarkan Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Meningkatkan aktiviti pengkomersilan dan bilangan syarikat hiliran (*spin-off*) di kalangan pelajar.
- Menjadi penghubung dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan selatan dalam bidang penyelidikan dan perundingan keusahawanan.

Objektif Polisi:

- Menggalakkan aktiviti inovasi dan keusahawanan yang berstruktur di UTM.
- Mengawal selia kesemua aktiviti keusahawanan pelajar di UTM.
- Menyediakan garis panduan kepada usahawan pelajar dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan.
- Mengawal sebarang aktiviti yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang universiti dan Malaysia.
- Menetapkan syarat dan peraturan bagi pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan.

TUJUAN

Lanskap pendidikan tinggi di seluruh dunia sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran pendidikan tinggi global yang dinamik. Sehubungan itu Universiti Awam perlu menilai dan mengkaji penjajaran model operasi semasa. Model transformasi yang pragmatik dapat memupuk dan memacu kecemerlangan universiti untuk terus kekal relevan dan berdaya saing bukan sahaja dalam penghayatan ilmu malah untuk pembangunan sosio-ekonomi dan penjanaan nilai sesuai dengan hasrat kerajaan untuk memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi dan universiti dalam melahirkan graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, polisi ini menjawai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) yang dirangka berasaskan wawasan dan aspirasi PPPM dalam mendidik pelajar yang berbakat, berkemahiran dan berilmu yang bersedia menghadapi cabaran abad ke 21.

Polisi ini menyokong kerangka kerja keusahawanan bagi membangunkan garis panduan untuk memperkasa aktiviti pelajar (misalnya dasar Laluan Lancar ('green lane') untuk perniagaan milik pelajar), menyokong pelajar dalam memula, mengembang dan melestarikan perniagaan serta memudahkan cara ekosistem keusahawanan di UTM berteraskan kepada konsep Akademia Baru berlandaskan cogan kata UTM, iaitu *Innovatif, Entrepreneurial* dan *Global*.

SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua pelajar yang mendaftar secara sepenuh masa di peringkat sarjana muda dan pascasiswazah di Universiti Teknologi Malaysia termasuk alumni yang telah bergraduat dalam dalam tempoh 2 tahun.

DEFINISI

Perkataan/Istilah	Definisi
Pelajar	Semua pelajar yang mendaftar secara sepenuh masa di peringkat sarjana muda dan pascasiswazah di Universiti Teknologi Malaysia termasuk alumni yang telah bergraduat dalam dalam tempoh 2 tahun.
Usahawan Pelajar	a) Pelajar yang berdaftar dengan UTMTEC. b) Pelajar yang telah mendapat: i. Sijil Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan ii. Dokumen Maklumat Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
Penaja	Pihak mewakili Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ pihak swasta yang memberi pembiayaan (biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau hadiah) kepada pelajar.
Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Mana-mana fakulti, akademi, institut, sekolah, pusat, pejabat, bahagian dan unit di UTM.
Harta Intelek	Merangkumi hakcipta, paten, cap dagangan, rekabentuk perindustrian, petunjuk geografi dan rekabentuk susun atur litar bersepada.
Pembelajaran	Aktiviti-aktiviti termasuk kuliah, tutorial, ujian, tugas, pembentangan, makmal, lawatan dan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam jam pembelajaran pelajar dalam rangka kursus.

KONTEKS PERUNDANGAN

Polisi ini dibangunkan berdasarkan kepada undang-undang dan polisi yang berkaitan:

Nama	Lokasi Rujukan
Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	Semua
Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia	Semua
Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1999	Kaedah 14
Polisi Harta Intelek UTM	Semua
Polisi Pengkomersilan Harta Intelek UTM	Semua

BAHAGIAN 2 - POLISI

PRINSIP

Polisi keusahawanan ini bermatlamat sebagai garis panduan untuk menyelia aktiviti-aktiviti keusahawanan pelajar dalam membuka peluang pembelajaran keusahawanan yang lebih meluas kepada pelajar dengan membantu pelajar menghasilkan dan mengembangkan perniagaan sehingga mampu menjadi usahawan.

POLISI

Universiti komited melaksanakan peranannya dalam menyemai, membimbing, melahirkan pelajar yang mempunyai daya fikiran dan meningkatkan kompetensi keusahawanan ke arah pembentukan ekosistem keusahawanan di UTM. Ia berteraskan kepada konsep Akademia Baru berlandaskan cogan kata UTM, iaitu Inovatif, Entrepreneurial dan Global.

1.	Pematuhan Terhadap Peruntukan Perundangan
	Pelajar hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, Kaedah-Kaedah UTM (Tataatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan semua perundangan kecil yang sedang terpakai dan digubal dibawahnya semasa menjalankan aktiviti keusahawanan.
2.	Kegiatan Keusahawanan Dengan Kebenaran Naib Canselor/ Penaja/ Ibubapa/ Penjaga
	Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan tertakluk kepada kebenaran Naib Canselor, penaja/pemberi pinjaman dan ibubapa atau penjaga
3.	Pendaftaran Perniagaan
	a) Pelajar yang menjalankan aktiviti perniagaan dikehendaki: i. Mendaftar perniagaan mereka di UTMTEC, ii. Mendaftar entiti perniagaan mereka di SSM (kecuali bagi pelajar antarabangsa) b) Sekiranya pelajar berhasrat menubuhkan entiti perniagaan dengan pihak selain pelajar, maka kelulusan daripada Jawatankuasa Penilai Keusahawanan hendaklah diperolehi. c) Perniagaan yang dijalankan oleh pelajar hendaklah sah disisi undang-undang dan tidak melibatkan perniagaan berorientasikan <i>Jualan Pelbagai Peringkat (Multi Level Marketing)</i>
4.	Program-Program Keusahawanan.
	a) Usahawan pelajar yang berdaftar dengan UTMTEC perlu mengikuti program asas keusahawanan yang dianjurkan oleh UTM. b) Usahawan pelajar yang telah mengikuti program asas keusahawanan digalakkan mengikuti program lanjutan yang dianjurkan oleh UTM dan unit-unit kolaborasi yang diiktiraf oleh UTMTEC. c) PTJ bertanggungjawab untuk menilai aktiviti keusahawanan pelajar yang bersesuaian sejajar dengan pelaksanaan ICGPA.
5.	Penasihat Usahawan Pelajar
	a) Penasihat Usahawan Pelajar boleh dicadangkan kepada usahawan pelajar yang terlibat dalam projek keusahawanan yang berdaftar dengan UTMTEC, jika perlu. b) Penasihat Usahawan Pelajar bertanggungjawab membimbing dan membantu usahawan pelajar dalam projek keusahawanan yang berdaftar dengan UTMTEC. c) Penasihat Usahawan Pelajar hendaklah terdiri daripada staf UTM yang dilantik oleh UTMTEC.
6.	Sistem Mentor-Protégé
	a) Dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan, setiap usahawan pelajar digalakkan mengikuti program mentor-protégé yang disediakan oleh UTMTEC. b) Mentor terdiri daripada usahawan sama ada dari dalam atau luar UTM

7.	Perniagaan Yang Melibatkan Harta Intelek UTM
	<ul style="list-style-type: none"> a) Harta Intelek yang terhasil daripada penyelidikan pelajar di UTM mestilah didaftarkan di Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) dan tertakluk kepada Polisi Harta Intelek UTM. b) Selepas pelajar mendapat hak perlesenan daripada UTM, pelajar boleh menggunakan Harta Intelek tersebut di dalam perniagaan berdasarkan terma dan syarat yang termaktub dalam Perjanjian Perlesenan dan Polisi Pengkomersilan Harta Intelek UTM. c) Perniagaan yang melibatkan Harta Intelek seperti mana yang dinyatakan di atas hendaklah didaftarkan di UTMTEC.
8.	Incubation / Ruang Kerja
	<ul style="list-style-type: none"> a) Hanya perniagaan yang telah didaftarkan di UTMTEC dan SSM boleh ditawarkan untuk berada di dalam mana-mana <i>incubator</i> UTM tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. b) Perniagaan yang dilaksanakan di <i>incubator</i> perlulah dijalankan sepenuhnya oleh <i>incubatee</i>. c) <i>Incubatee</i> bertanggungjawab sepenuhnya ke atas aset perniagaan dan perlu menyerah semula ruang dan fasiliti sebagaimana keadaan asal. d) Tempoh berada di dalam <i>incubator</i> adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh UTM.
9.	Tanggungjawab Usahawan Pelajar
	<ul style="list-style-type: none"> a) Menjaga Nama Baik UTM <ul style="list-style-type: none"> i. Usahawan pelajar hendaklah sentiasa menjaga nama baik UTM dalam menjalankan perniagaan mereka. ii. Usahawan pelajar tidak dibenarkan untuk menggunakan logo UTM tanpa kebenaran bertulis daripada UTM. iii. Usahawan pelajar tidak dibenarkan untuk mewakili mana-mana PTJ atau orang perseorangan di UTM tanpa kebenaran bertulis daripada pihak yang berkaitan. b) Menjaga Prestasi Akademik <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilik tunggal, ketua rakan kongsi atau pengarah syarikat yang memohon membuka perniagaan (Start-Up) hendaklah memiliki mata CGPA semasa permohonan yang tidak kurang daripada 2.67 bagi pelajar peringkat sarjana muda atau 3.00 bagi pelajar pascasiswazah. ii. Ahli kumpulan yang dinamakan dalam permohonan hendaklah memiliki mata CGPA semasa permohonan yang tidak kurang daripada 2.00. iii. Usahawan pelajar hendaklah memastikan penglibatan mereka dalam perniagaan atau aktiviti perniagaan tidak menjelaskan pembelajaran mereka. c) Mengendalikan Perniagaan. Usahawan pelajar bertanggungjawab: <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan mereka memahami tanggungjawab dan risiko entiti perniagaan yang diceburi. ii. Mematuhi semua syarat-syarat dan terma dalam perjanjian yang ditandatangani dengan PTJ yang berkaitan atau pihak ketiga. d) Menyediakan Laporan Aktiviti Perniagaan. Usahawan pelajar hendaklah menghantar butiran berikut secara berkala kepada UTMTEC: <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan Perniagaan; ii. Laporan Kewangan Syarikat; iii. Laporan Program Keusahawanan; dan iv. Slip keputusan peperiksaan setiap semester.
10.	Sumbangan Kepada Universiti
	Sumbangan dalam bentuk <i>in-kind</i> atau kewangan kepada universiti adalah digalakkan sebagai penghargaan kepada peluang aktiviti keusahawanan yang diberikan kepada usahawan pelajar.
11.	Liabiliti UTM
	UTM tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa akibat daripada pelanggaran kontrak usahawan pelajar dengan mana-mana pihak.

12.	Faedah Polisi Kepada Pelajar
	<p>12.1. Mendapat latihan dan jaringan keusahawanan melalui aktiviti yang dilaksanakan oleh UTM dan pihak luar.</p> <p>12.2. Memperkembangkan bakat, minat, kompetensi, dan daya kreativiti dalam bidang perniagaan.</p> <p>12.3. Diberi keutamaan untuk mendapat kemudahan skim Mikro Kredit dan pembiayaan pendaftaran perniagaan (pemilikan tunggal) dengan SSM.</p> <p>12.4. Diberi keutamaan mengikuti program keusahawanan yang dianjurkan oleh UTM dan pihak luar.</p>

BAHAGIAN 3 - PROSEDUR

PROSEDUR

Langkah Prosedur		Tanggungjawab
1.	Proses Pendaftaran Perniagaan	
1.1	Proses pendaftaran perniagaan di UTMTEC <ul style="list-style-type: none"> 1.1.1 Mengisi Borang Pendaftaran Startup UTMTEC (UTMTEC/SSU-2015) 1.1.2 Menghantar Borang UTMTEC/SSU-2015 ke Unit Startup UTMTEC dengan bayaran yang ditetapkan UTMTEC . 1.1.3 Memperoleh Sijil Digital Daftar Startup UTMTEC dan Borang Introducer Bank terpilih bagi membuka akaun semasa. 1.1.4 Menghantar Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran SSM dan Dokumen Maklumat Perniagaan SSM kepada UTMTEC. 	Pihak bertanggungjawab
1.2	Jika usahawan pelajar ingin menjadi pembekal UTM, usahawan pelajar perlu mendaftar dengan Unit Perolehan Universiti (UPU) Pejabat Bendahari UTM. Proses pendaftaran adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> 1.2.1 Mengisi Borang Pendaftaran Syarikat di Pejabat Unit Perolehan Universiti, Bendahari, UTM . 1.2.2 Menghantar Borang Pendaftaran Syarikat berserta dengan semua dokumen yang diperlukan termasuk sesalinan sijil SSM dengan bayaran RM15.00. (Tertakluk kepada Pejabat Bendahari) 1.2.3 Pejabat UPU Bendahari akan menyediakan Surat dan Sijil Pendaftaran Pembekalan dan Perkhidmatan. 1.2.4 Mengisi Borang Pendaftaran Pembekal/Perkhidmatan Kementerian Kewangan, sekiranya nilai prorolchan bernilai RM50,000 dan ke atas tertakluk kepada pekeliling perolehan UTM. 1.2.5 Walau apapun yang dinyatakan di atas (1.2.2), usahawan pelajar yang tidak mendaftar dengan SSM boleh juga menjalankan perniagaan dengan syarat mereka mendaftar dengan UTMTEC. Mereka hanya tidak layak untuk menjadi pembekal UTM. 	UPU, Bendahari & UTMTEC
2.	Program-Program Keusahawanan	
2.1	Program-program keusahawanan yang dianjurkan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> 2.1.1 Perniagaan: Perkhidmatan Penghantaran Barang, Pengangkutan, Mengajar Tuisyen, Specializing Internship, Personal Training Services, Food Delivery, Event Promoter, Graphic arts and design services, Resume writing services, Group Travel Services, Website and mobile app development, Campus tour guide, Photography and Video Services, T-shirt company, Content Creation Services, khidmat urutan terapeutik, dan juga dari pelbagai idea pelajar 2.1.2 Junior Consultant (JC), JC menjalankan perundingan ke atas PTJ dengan mendapatkan khidmat nasihat UTMTEC. JC membentangkan hasil analisis kepada PTJ dan akan menyarankan cadangan maju "way forward" kehadapan kepada PTJ berdasarkan kajian kes. PTJ boleh mengambil idea maju kehadapan untuk dilaksanakan sebagai projek dan ditawarkan mengikut Polisi Project Based Job. 2.1.3 Karnival, Festival, Expo, pengurusan Acara; Kursus, Latihan, Bengkel. 	Pihak bertanggungjawab

3.	Laporan Aktiviti Perniagaan dan Prestasi Akademik	
3.1	Aktiviti-aktiviti perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> 3.1.1 Laporan hendaklah disediakan setiap enam (6) bulan. 3.1.2 Laporan yang dibuat hendaklah berdasarkan <i>template</i> yang disediakan oleh UTMTEC 	
3.2	Prestasi Akademik: <ul style="list-style-type: none"> 3.2.1 Slip peperiksaan hendaklah dihantar kepada UTMTEC setiap semester. 3.2.2 Usahawan pelajar yang berstatus kedudukan bersyarat tidak dibenarkan terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh UTMTEC atau unit-unit kolaborasi yang diiktiraf oleh UTMTEC. 	
4.	Penasihat Keusahawanan Pelajar	
4.1	Kriteria Penasihat: <ul style="list-style-type: none"> 4.1.1 Pengajar Kursus Keusahawanan atau 4.1.2 Staf (akademik dan bukan akademik) yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan. 	Pihak bertanggungjawab
5.	Sistem Mentor-Protégé	
5.1	Kriteria Mentor: <ul style="list-style-type: none"> 5.1.1 Pihak Industri 5.1.2 Usahawan Terpilih 5.1.3 Pakar Bidang (termasuk staf UTM) yang akan ditentukan mengikut kesesuaian dan kehendak usahawan pelajar. 	Pihak bertanggungjawab
6.	Perniagaan Yang Melibatkan Harta Intelek UTM	
6.1	Harta Intelek perlulah didaftarkan di Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) UTM.	ICC
6.2	Usahawan pelajar perlu mengemukakan cadangan perniagaan berkenaan Harta Intelek yang terlibat kepada Pusat Inovasi dan Pengkomersilan UTM	ICC
6.3	Pusat Inovasi dan Pengkomersilan UTM akan menjalankan proses penilaian Harta Intelek	ICC
6.4	Perbincangan berkenaan kadar fi perlesenan teknologi dan royalti bagi Harta Intelek yang terlibat perlu dibuat di Pusat Inovasi dan Pengkomersilan.	ICC
6.5	Pusat Inovasi dan Pengkomersilan UTM akan mengemukakan kertas kerja permohonan menandatangani Perjanjian Perlesenan Teknologi antara pihak syarikat yang didaftarkan oleh usahawan pelajar dan UTM bagi kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.	ICC UTMTEC MESY JPU
6.6	Sekiranya kertas kerja diluluskan dan kedua belah pihak telah menandatangani perjanjian perlesenan teknologi, perniagaan yang melibatkan Harta Intelek tersebut boleh dijalankan.	
7.	Penawaran <i>Incubator</i> / Ruang Kerja Kepada Usahawan Pelajar	
7.1	Usahawan pelajar yang layak menjadi <i>incubatee</i> hendaklah memenuhi kriteria-kriteria seperti di bawah: <ul style="list-style-type: none"> 7.1.1 Telah menghadiri kursus-kursus anjuran UTMTEC atau unit-unit kolaborasi yang diiktiraf oleh UTMTEC dan mendapat sijil penyertaan/penghargaan. 7.1.2 Mempunyai produk / perkhidmatan yang boleh / sedia dipasarkan. 7.1.3 Berada di tahun kedua dan ke atas kecuali dalam keadaan tertentu. 7.1.4 Memenuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh PTJ yang berkaitan. 	Pihak bertanggungjawab

7.2	Tempoh maksima <i>incubation</i> adalah selama dua (2) tahun dan boleh diperbaharui untuk tempoh satu (1) tahun lagi atas pertimbangan PTJ yang berkaitan. Pelajar perlu meninggalkan <i>incubator</i> dalam tempoh satu minggu selepas tamat perjanjian.	
7.3	PTJ yang berkaitan berhak menamatkan tempoh <i>incubation</i> sekiranya berlaku salah satu daripada perkara-perkara berikut tanpa kebenaran: <ul style="list-style-type: none"> 7.3.1 <i>Incubatee</i> menyewakan ruang atau sebahagian ruang kepada orang lain 7.3.2 <i>Incubatee</i> membuat pengubahsuaian terhadap ruang <i>incubation</i>. 	
7.4	<i>Incubatee</i> yang ingin menamatkan <i>incubation</i> sebelum tamat tempoh yang ditetapkan hendaklah memberikan notis seperti yang ditetapkan oleh PTJ yang berkaitan.	
8.	Sumbangan Kepada Universiti	
8.1	<i>In-Kind Contribution</i> adalah termasuk memberi sumbangan sebagai <i>mentor</i> / fasilitator/ penceramah / juri / pengadil / penasihat / <i>venture capital</i> dan lain-lain bagi aktiviti keusahawanan.	
8.2	Sumbangan kewangan adalah termasuk sumbangan kepada endowmen/ alumni/ fakulti / unit / jabatan/ biasiswa kepada pelajar atau menaja <i>Start-Up</i> pelajar.	
9.	Liabiliti UTM	
9.1	Pihak pertama merujuk kepada UTM, pihak kedua merujuk kepada usahawan pelajar dan pihak ketiga termasuk: <ul style="list-style-type: none"> 9.1.1 Penaja 9.1.2 Rakan Kongsi 9.1.3 Bank 9.1.4 Agensi pinjaman – CGC, Koperasi, TEKUN, MARA, PUNB & lain-lain 9.1.5 Penjamin 9.1.6 Ibubapa/Penjaga 9.1.7 Penyedia Dana – Cradle, MTDC, SME Bank dan lain-lain 9.1.8 Penyedia perkhidmatan – Accelerator, MAD Incubator 	
10.	Jawatankuasa Penilai Keusahawanan	
10.1	Jawatankuasa Penilai Keusahawanan bertanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> 10.1.1 Menilai, menasihati dan meluluskan permohonan penubuhan entiti perniagaan usahawan pelajar dengan pihak luar 10.1.2 Melindungi kepentingan serta kebijakan usahawan pelajar dan Universiti berkaitan hal ehwal aktiviti keusahawanan. 	
10.2	Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> 10.2.1 Pengarah UTMTEC sebagai Pengerusi 10.2.2 Pengurus UTMTEC 10.2.3 Industri luar mengikut pakar bidang 10.2.4 Wakil HEMA 10.2.5 Pengarah Centre for Student Innovation (CSI) / Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) atau wakil (mengikut kesesuaian). 10.2.6 Penolong Pendaftar UTMTEC sebagai urusetia. 	
10.3	Bilangan korum mesyuarat Jawatankuasa Penilai Keusahawanan adalah sekurang-kurangnya tiga (3) orang.	
11.	Hal-hal lain	
11.1	Peranan Pusat Tanggungjawab (PTJ):	

	<p>11.1.1 Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mengintegrasikan elemen keusahawanan yang bersesuaian di dalam kurikulum. b) Memantau penilaian aktiviti keusahawanan pelajar yang bersesuaian sejajar dengan pelaksanaan ICGPA. <p>11.1.2 Timbalan Naib Canselor Penyelidik & Inovasi – Membantu pelajar mendaftar harta intelek.</p> <p>11.1.3 Timbalan Naib Canselor HEMA – Membantu mengenalpasti pelajar yang berminat menyertai aktiviti keusahawanan.</p> <p>11.1.4 Timbalan Naib Canselor Pembangunan – Menyediakan dan membenarkan penggunaan ruang kepada usahawan pelajar mengikut kesesuaian.</p> <p>11.1.5 Sekolah Pra-Siswazah – Merangka, membentuk, menyedia dan melaksanakan kursus ko-kurikulum melalui kluster keusahawanan.</p> <p>11.1.6 Penasihat Keusahawanan – Menjadi pembimbing kepada pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan.</p> <p>11.1.7 Pusat Tanggungjawab (PTJ) – Membuka peluang kepada usahawan pelajar untuk terlibat dalam perkhidmatan, perolehan dan pembekalan.</p> <p>11.1.8 Centre for Student Innovation (CSI) – Membantu pelajar membangunkan prototaip produk.</p>	
--	--	--

DOKUMEN SOKONGAN

Borang dan Pengurusan Rekod

Borang	Lokasi
1. Borang Pendaftaran Perniagaan SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2. Borang Pendaftaran Syarikat	Unit UPU, Pejabat Bendahari, UTM
3. Borang Pendaftaran Startup UTMTEC (UTMTEC/SSU-2015)	Unit Startup UTMTEC
4. Borang Pendaftaran Pembekal/ Perkhidmatan Kementerian Kewangan (RM50,000 ke atas)	Unit UPU, Pejabat Bendahari, UTM
5. Laporan Berkala	UTMTEC

Dokumen Berkaitan

Nama Dokumen	Lokasi	Jenis dokumen
1. Kriteria kemasukkan <i>Incubatee</i> ke program incubator UTM	UTMTEC	Garis panduan

BAHAGIAN 4 – TADBIR URUS

TANGGUNG JAWAB

Pemilik Polisi	Pengarah UTMTEC
Pengurus Polisi	Urusetia Start-Up Unit UTMTEC

KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

Nombor Versi	Tarikh Kelulusan	Diluluskan oleh	Pindaan